

# Ibu bapa perlu pantau anak di rumah jagaan

Berita Harian 18/02/2010 M/S 4

IW Marriott Hotel Kuala Lumpur

**K**UALA LUMPUR: Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor menyeru ibu atau bapa yang meletakkan anak mereka di rumah jagaan supaya memantau perkembangan anak mereka dan tidak meletakkan seluruh tanggungjawab pada rumah kebajikan terbabit.

Beliau yang juga Yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri (Bakti) berkata, kanak-kanak berkenaan juga memerlukan kasih sayang seperti anak lain memandangkan mereka masih mempunyai ibu bapa.

“Saya merayu kepada ibu bapa datanglah menjenguk anak mereka dan bermesra dengan anak ini kerana mereka juga seperti kanak-kanak lain yang inginkan kasih sayang ibu bapa.

“Ada ibu bapa ini yang langsung tidak datang selepas menghantar anak mereka ke rumah jagaan ini. Saya harap ibu bapa ini pikul tanggungjawab mereka walaupun menghadapi masalah,” katanya pada sidang media selepas melancarkan bangunan baru dan sambutan Tahun Baru Cina anjuran Persatuan Kebajikan Ti-Ratana, di sini, semalam.

Hadir sama, Naib Yang Dipertua Bakti, Puan Sri Datin Norainee Abdul Rahman.

Pada majlis itu, Bakti turut menghulurkan sumbangan



**ROSMAH** (empat dari kiri) dan isteri Timbalan Perdana Menteri, Puan Sri Norainee Abdul Rahman (dua dari kiri) menggaul yee sang pada jamuan tengah hari sempena Tahun Baru Cina anjuran Persatuan Kebajikan Ti-Ratana, di ibu negara, semalam.

RM20,000 kepada rumah kebajikan terbabit untuk membantu meringankan beban rumah kebajikan berkenaan.

Rosmah turut memuji usaha yang dilakukan Persatuan Ti-Ratana dalam memberi perlindungan kepada kanak-kanak yang kurang bernasib baik itu.

“Selain dari rumah ini

yang bernilai RM1 juta, saya difahamkan mereka juga akan membuka sebuah lagi rumah seumpama ini di Seri Gombak tidak lama lagi. Sungguhnya usaha pertubuhan ini perlu dicontohi bagi membantu menjaga kanak-kanak yang tidak bernasib baik,” katanya

Sementara itu, Rosmah tu-

rut menghadiri jamuan tengah hari ‘Yee Sang’ sempena Tahun Baru Cina yang dianjurkan Bakti dan YTL Corporation Sdn Bhd di Hotel J W Marriott bagi meraikan golongan kurang bernasib baik seperti warga emas, anak yatim dan Orang Kurang Upaya (OKU) dari 13 rumah kebajikan.

Antara penghuni yang diraikan adalah dari Rumah Sayangku Kuala Langat, Shelter Homes, Rumah Orang Tua Victory dan Rumah Orang Tua Ampang.

Bagi menambah keceriaan kepada mereka, Rosmah turut menyampaikan ang pow kepada mereka.